

→ SASTERA & BUDAYA

Bina semula candi abad ke-10 Kota Kuala Muda



Zuliskandar memerhatikan seorang pekerja membuat ekskavasi di tapak candi yang ditemui ditepi Sungai Muda, Kota Kuala Muda.

⊖ Infrastruktur miliki seni bina unik, penting bukti kemahiran tukang Melayu

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Pembinaan semula sebahagian candi di tapak Kampung Baru, Kota Kuala Muda, Kedah perlu dilakukan supaya ia dapat dimanfaatkan bukan sahaja bagi tujuan kajian, malah sebagai sebahagian daripada tarikan pelancongan.

Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli, berkata kali terakhir candi dibina semula di negara ini ialah pada 1976, iaitu hampir empat dekad yang lalu.

Beliau yang juga Yang Dipertua Badan Ahli Arkeologi Malaysia berkata, candi itu mempunyai potensi sangat besar untuk dipelihara dan dipulihara kerana struktur yang rosak hanya di antara 30 ke 40 peratus.

Struktur masih baik

"Tidak banyak daripada candi yang ditemui di negara ini sebelum ini menampakkan struktur yang baik seperti candi di tapak Kampung



Candi itu mempunyai potensi sangat besar untuk dipelihara dan dipulihara kerana struktur yang rosak hanya di antara 30 ke 40 peratus"

Prof Madya Dr Zuliskandar Ramli, Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM

Baru, Kota Kuala Muda ini.

"Candi ini mempunyai seni bina menarik yang tidak dijumpai pada mana-mana candi di Kedah. Pada petak di bahagian dinding utara tapak pula terdapat susunan bata yang lengkap tetapi sebahagian kecilnya bertaburan pada petak berkenaan.

Tarikan pelancongan

"Sekiranya dibina semula, ia akan menjadi tapak candi yang penting serta dipunakan bukan sahaja bagi kajian mengenai kearifan tempatan Melayu dalam konteks sains dan teknologi malah boleh dijadikan sebahagian daripada tarikan pelancongan bersejarah yang penting," katanya kepada Susteri & Budaya di sini.

Kewujudan tapak candi yang dipercajai wujud pada abad ke-10 itu diketahui selepas penemuan pelapik tiang bahagian atas candi ketika kerja pemindahan kubur di kawasan berkenaan bagi membenarkan laluan kepada projek tebatan banjir lebih dua tahun yang lalu.

Kerja ekskavasi fasa kedua yang dimulakan pada bahagian utara dinding candi dan disambung sehingga ke bahagian dinding timur yang baru sahaja selesai baru-baru

ini sudah mendedahkan keseluruhan struktur dinding luar.

"Kami juga menemui beberapa artifak seperti tembikar tanah, porselin China, seramik Parsi, Ching Pai, kaca paku besi dan juga alat batu yang digunakan dalam proses menghasilkan tembikar tanah iaitu Anvil.

"Penemuan tembikar tanah adalah artifak yang paling banyak ditemui berbanding dengan artifak yang lain," katanya.

Fasa ketiga yang juga fasa terakhir dijangka akan bermula Mac tahun depan dan akan mendedahkan keseluruhan struktur dalam candi berkenaan, sekali gus membolehkan kerja merekonstruksinya dilakukan.

Menurut Zuliskandar, kerja pemuliharaan yang dijangka akan menelan kos antara RM30,000 ke RM40,000 itu membabitkan pembinaan semula dengan menggunakan kaedah digital sebelum ia dibangunkan secara fizikal.

Beliau yang akan berbincang dengan JWN mengenai rancangannya ini berkata, sekiranya dibenarkan pihak berwajib proses merekonstruksi candi itu dijangka akan mengambil masa lebih setahun.

Wacana Manuskrip AhlilLah Alam Melayu di UKM

Kuala Lumpur: Wacana Siri 3/2017 Manuskrip AhlilLah Alam Melayu Peringkat Antarabangsa akan diadakan di Bilik Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dekat sini, 11 Julai ini.

ATMA dalam kenyataannya berkata, sebanyak dua kertas kerja akan dibentangkan pada acara an-

jurah bersama Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu (PPMAM) ATMA dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan dan Jabatan Mufti Negeri Perak itu.

Pembentangan kertas kerja

"Sesi satu akan menampilkan pembentangan kertas kerja Adab Tarekat AhlilLah Alam Melayu yang akan dibentangkan oleh Penyasa-

rah Universiti Islam Negeri Al-Raniry, Banda Aceh. Dr Damanhuri Basyir bermula jam 9.30 pagi.

"Pada jam 2 petang pula, Nazir Masjid Puncak Alam, Dr Suhadak Mahmaud akan membincangkan Analisis Kitab Kanz al-Muwaf. Karya Shyakh al-Allamah Ahmad Muhammad Sa'id al-Linggi," katanya dalam kenyataan di sini.

Wacana Manuskrip AhlilLah

Alam Melayu Peringkat Antarabangsa dianjurkan sejak 2015 dengan memberikan tumpuan kepada manuskrip yang dikarang oleh ulama dan umuwan alam Melayu.

Konsep ontologi, epistemologi

ia turut membincangkan konsep penting dalam bidang ontologi dan epistemologi yang menjadi persoa-

lan, termasuk yang mencetuskan kontroversi.

Yuran sebanyak RM20 dikenakan kepada pelajar dan RM30 (awam), manakala maklumat lanjut hubungi Ahmad Bazri di talian 03-89213645. WhatsApp maklumat nama, jabatan, e-mel dan nombor telefon bimbit kepada 011-32259091 atau e-mel bazri@ukm.edu.my.